

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIIH

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 21 JULAI 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 20

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1542-L29880
Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah hala tuju Dasar Luar Malaysia pasca-ASEAN 2025 dan bagaimana ia menyesuaikan diri dengan landskap geopolitik Indo-Pasifik yang kian berubah.
2. PR-1542-L30003
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan perlaksanaan inisiatif MYDigital setakat ini khususnya berkaitan pendaftaran MyDigital ID, integrasi sistem Kerajaan dengan platform digital dan impaknya kepada penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat.
3. PR-1542-L29504
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan kesiapsiagaan negara menghadapi gelombang kecerdasan buatan, termasuk strategi pemindahan teknologi, pembangunan bakat tempatan dan tahap integrasi AI dalam tadbir urus serta sektor ekonomi utama.
4. PR-1542-L30365
Datuk Dr. Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan justifikasi kenaikan kos haji 2025, status pelaburan Tabung Haji dan jumlah kuota haji Malaysia yang tidak digunakan bagi tahun 2020 hingga 2025.

5. PR-1542-L30598
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini dan perancangan Kerajaan dalam meminda Akta Perlindungan Pemberi Maklumat dan bagaimana Kerajaan dapat memastikan bahawa penguatkuasaan akta ini dapat menjaga keselamatan pemberi maklumat, terutamanya dalam kes-kes berprofil tinggi.
6. PR-1542-L29986
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan platform antarabangsa atau inisiatif diplomatik khusus yang akan digunakan oleh Malaysia untuk menangani krisis kemanusiaan di Gaza dan untuk menyokong resolusi aman terhadap konflik yang melibatkan Israel termasuk ketegangan Israel-Iran.
7. PR-1542-L29854
Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan langkah Kerajaan membina keupayaan pertahanan sendiri dan ketenteraan termasuk pembangunan teknologi senjata tempatan dan pengurangan kebergantungan kepada kuasa luar dalam menghadapi ancaman masa depan seperti yang dilakukan oleh negara Iran.
8. PR-1542-L30451
Datuk Lo Su Fui [Tawau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) akan diperkasa bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui penerapan teknologi seperti Kecerdasan Buatan (AI) dan TVET selari keperluan semasa dan persaingan global memandangkan 160,000 penganggur di Sabah dan 600,000 di seluruh negara masih belum bekerja pada 2024.
9. PR-1542-L29584
Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah perincian perancangan bagi memperluas penglibatan koperasi sebagai pemain aktif sektor francais mengambil kira menyokong agenda pemerkasaan ekonomi rakyat.
10. PR-1542-L30172
Datuk Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan Malaysia telah menubuhkan jawatankuasa khas untuk mengukuhkan tindakan negara terhadap *European Union Deforestation Regulation* (EUDR). Apakah strategi Kementerian untuk memastikan status Malaysia sebagai negara berisiko rendah di bawah rangka kerja EUDR dapat dicapai dan siapakah ahli jawatankuasa khas ini.

11. PR-1542-L30102

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :

- (a) status pelaksanaan Rangka Kerja Jaminan Kualiti dan Pensijilan bagi kursus jangka pendek teknologi dan teknikal di bawah Majlis Pembangunan Profesional Teknologi dan Teknikal (TPDC); dan
- (b) bagaimana inisiatif ini dipadankan dengan sasaran strategik melatih semula 600,000 tenaga kerja berkemahiran tinggi menjelang 2030.

12. PR-1542-L29721

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tempoh masa tindak balas DBKL terhadap aduan berkaitan pokok berisiko tumbang, mencantas dahan serta penebangan pokok daripada penerimaan aduan hingga tindakan penyelesaian dilaksanakan.

13. PR-1542-L29596

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah strategik Kementerian dalam memastikan harga getah kekal stabil dan tidak merosot hingga menjejaskan pendapatan pekebun kecil dan apakah usaha memperkukuhkan rantai nilai hiliran getah tempatan agar hasil getah rakyat tidak bergantung semata-mata kepada harga komoditi dunia.

14. PR-1542-L29625

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :

- (a) pecahan pelancong asing (mengikut negara) ke Malaysia daripada Januari hingga Jun 2025 berbanding dengan pecahan pelancong asing (mengikut negara) pada tempoh yang sama bagi tahun 2024; dan
- (b) unjuran pecahan pelancong asing (mengikut negara) dalam Tahun Melawat Malaysia 2026.

15. PR-1542-L30742

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan prosedur untuk sesebuah organisasi, syarikat swasta, yayasan atau wakil rakyat terutama Ahli Parlimen yang ingin memberi sumbangan di sesuatu kawasan seperti baju sekolah, beg sekolah, alat tulis dan juga prosedur sumbangan kepada guru-guru sekolah.

16. PR-1542-L30428
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan mengenai maklumat terkini berkaitan proses rundingan bagi Kod Tatacara Laut China Selatan (*South China Sea Code of Conduct*) dan apakah cabaran mendatang dalam merealisasikan perjanjian ini.
17. PR-1542-L29682
Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah pencapaian Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 bagi siri kedua yang dilaksanakan dari 11 Mei hingga 24 Jun 2025. Berapakah peratusan peserta yang mendaftar dan berapa pula yang tidak mendaftar.
18. PR-1542-L29225
Datuk Matbali bin Musah [Sipitang] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perancangan dan inisiatif Kementerian untuk memperkukuh pembangunan infrastruktur pelancongan di Daerah Sipitang yang bukan sahaja kaya dengan keindahan semula jadi dan warisan budaya, tetapi merupakan salah satu kawasan pusat industri minyak dan gas di Sabah Apakah langkah Kementerian untuk menarik ramai pelancong ke Sipitang.
19. PR-1542-L29488
Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Bagan Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Pelan Induk Wakaf Nasional (PIWN) 2025-2030 akan dilancarkan dan apakah inisiatif jangka pendek yang akan diberikan fokus dalam pelan tersebut demi manfaat umat Islam seluruhnya.
20. PR-1542-L30351
Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang merangkumi wakil Kerajaan dan Pembangkang untuk menyemak dan menilai calon Ketua Pesuruhjaya SPRM.
21. PR-1542-L30541
Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah perkembangan status terkini perancangan untuk membangunkan tapak pelancaran roket pertama di Asia Tenggara dan sejauh manakah lokasi berpotensi seperti Sabah dinilai dari sudut kestabilan geologi, ruang udara yang luas serta daya tarikannya untuk dibangunkan sebagai ekosistem industri aeroangkasa yang mampan dan berimpak tinggi.

22. PR-1542-L30232

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian dan usaha-usaha Kementerian dalam mengiktiraf pelajar cemerlang terutama dalam peperiksaan utama dan besar seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi memastikan pelajar mendapat motivasi tinggi untuk terus memajukan diri.

23. PR-1542-L30244

Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah dan perancangan terkini Kementerian dalam memperkukuhkan institusi Kolej Tingkatan Enam termasuk usaha penjenamaan semula, penambahbaikan infrastruktur, pengasingan sistem persekolahan serta strategi menarik minat pelajar lepasan SPM untuk menyambung pengajian di peringkat pra-universiti melalui Tingkatan Enam.

24. PR-1542-L29442

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) apakah hala tuju dan langkah seterusnya ke arah pemansuhan sepenuhnya hukuman mati; dan
- (b) adakah Kerajaan akan mengekalkan moratorium pelaksanaan hukuman mati selaras dengan sokongan Malaysia terhadap resolusi moratorium oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA).

25. PR-1542-L29369

Datuk Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia dan Indonesia telah dilaporkan media baru-baru ini akan meneruskan pendekatan pembangunan secara bersama untuk membangunkan blok Ambalat yang terletak sebahagiannya dalam kawasan lautan Sabah. Adakah persetujuan Kerajaan Negeri Sabah akan diperolehi sebelum apa-apa persetujuan dengan Kerajaan Indonesia dibuat mengenai perkara ini.

26. PR-1542-L29844

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah diplomatik dan dasar luar Kerajaan bagi meningkatkan keselamatan dan kedudukan strategik Malaysia susulan pembangunan Projek Land Bridge di Thailand, serta apakah strategi Malaysia mengadaptasi atau meraih manfaat daripada perubahan geopolitik serantau yang bakal berlaku.

27. PR-1542-L30512

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai jumlah dana yang telah disalurkan kepada semua jenis sekolah termasuk Sekolah Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di Parlimen Segamat khususnya bagi tahun 2024 dan 2025.

28. PR-1542-L29240

Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk memartabatkan penglibatan Ahli-ahli Parlimen dan memberi makluman awal apabila melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah MITRA.

29. PR-1542-L30457

Tuan Suhaizan bin Kaiat [Pulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status semasa pelaksanaan reformasi institusi seperti pemisahan kuasa Peguam Negara dan Pendakwa Raya serta bilakah Kerajaan bercadang membentangkan rang undang-undang berkaitan.

30. PR-1542-L30065

Tan Sri Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kerajaan untuk memperkukuh kedudukan undang-undang syariah dan institusi fatwa di negara ini agar ia tidak diperlekeh atau dicabar sesuka hati selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

31. PR-1542-L29421

Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terbaharu pembinaan kompleks baharu Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kuala Kangsar dan berapakah anggaran garis masa pelaksanaan sepenuhnya bagi pembinaan ini.

32. PR-1542-L29522

Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan unjuran bulanan dan perancangan kemajuan kerja dalam bentuk peratus sehingga siap bagi projek pembinaan SMK Tudan dan SK Syed Othman serta status terkini kemajuan fizikal bagi kedua-dua projek tersebut.

33. PR-1542-L29383

Tuan Haji Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah tindakan bersepadu rentas Kementerian dalam menjamin keselamatan data peribadi rakyat daripada kebocoran oleh agensi Kerajaan sendiri.

34. PR-1542-L29686

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah status terkini cadangan penggubalan akta baru yang akan menggantikan Akta Koperasi 1993 (Akta 502).

35. PR-1542-L29611

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) usaha-usaha Kementerian untuk memastikan para guru di sekolah mahir dalam pembelajaran AI; dan
- (b) perancangan Kementerian melalui RMK13 untuk melaksanakan Reformasi Pendidikan Inklusif bagi kanak-kanak Orang Asli untuk memastikan tiada yang tertinggal dalam arus pembangunan pendidikan negara.

36. PR-1542-L29917

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini berhubung tindakan undang-undang terhadap agensi berita Bloomberg susulan dakwaan fitnah terhadap Perdana Menteri pada tahun lepas termasuk laporan kononnya Perdana Menteri mengarahkan SPRM untuk tidak menyiasat bekas Setiausaha Politiknya.

37. PR-1542-L29818

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan asas pemilihan dan hala tuju projek rintis Kota MADANI serta perancangan Kerajaan bagi memastikan ia tidak sekadar menjadi projek bersifat kosmetik tanpa manfaat sebenar kepada rakyat.

38. PR-1542-L29749

Tuan Haji Jamaludin bin Yahya [Pasir Salak] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana Kementerian menilai kesan jangka panjang terhadap imej profesion pendidikan apabila semakin ramai guru menjadikan media sosial sebagai pentas populariti dengan gaya keterlaluan sehingga mengaburi peranan asas mereka sebagai pendidik yang dihormati.

39. PR-1542-L30146

Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Perdana Menteri terkecuali daripada sebarang tindakan sivil atau jenayah dengan memohon imuniti atas kapasitinya sebagai Perdana Menteri dalam kes saman Muhammad Yusoff Rawther sedangkan Perkara 8 (1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang.

40. PR-1542-L30659

Dato' Seri Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kemajuan pelaksanaan Akta Iltizam setakat 30 Jun 2025, termasuk:

- (a) penubuhan badan-badan yang bertanggungjawab; dan
- (b) persediaan kepada proses *benchmarking* kecekapan pentadbiran Kerajaan dan pembentangan ranking serta jumlah peraturan yang telah dibatalkan berbanding jumlah peraturan baru yang diperkenalkan.

41. PR-1542-L30822

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kementerian khususnya Kementerian untuk menaik taraf kawasan Little India di Brickfields dan adakah Kementerian mempunyai pelan atau inisiatif untuk membaik pulih infrastruktur, sistem saliran, landskap serta elemen kebudayaan yang telah dibangunkan oleh Kementerian Wilayah pada tahun 2009.

42. PR-1542-L29974

Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang membina sebuah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) terutamanya Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Kuala Krai memandangkan sudah terdapat tapak yang sesuai tambahan pula Kuala Krai masih belum mempunyai SBP.

43. PR-1542-L29564

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhurrazi [Kuala Kedah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) peluasan mekanisme Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (Syariah) ke seluruh negara; dan
- (b) peratusan kejayaan bagi kes-kes yang dikendalikan oleh peguam syarie menerusi YBGK.

44. PR-1542-L29924

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan strategi utama yang digunakan oleh Tourism Malaysia untuk menilai keberkesanan Tahun Melawat Malaysia 2025 dalam mencapai sasaran 23.5 juta pelancong dan RM76.8 bilion pendapatan ekonomi negara.

45. PR-1542-L30226

Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pembinaan SMK Langkon, Kota Marudu pada masa kini memandangkan terdapat keperluan mendesak memindahkan sekolah lama yang sudah tidak boleh menampung jumlah pelajar yang ramai selain fasiliti dan kelengkapan pembelajaran yang usang dan tidak sesuai bagi pelajar-pelajar peringkat pendidikan menengah.

46. PR-1542-L29621

Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) sejauh manakah pemakaian dan langkah pengayaan tulisan jawi di samping tulisan rumi sebagai tulisan bahasa kebangsaan selaras dengan Seksyen 9 Akta Bahasa Kebangsaan 1963; dan
- (b) sejauh mana Kerajaan akan memperluas penggunaan tulisan jawi dalam borang rasmi Kerajaan dan swasta sebagai langkah memperkukuh identiti kebangsaan Malaysia.

47. PR-1542-L29712

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab Kamar Peguam Negara memutuskan untuk 'NFA' kes pembunuhan mendiang Teoh Beng Hock dalam Ibu Pejabat SPRM Selangor yang menjejaskan kredibiliti Kerajaan selepas YAB sendiri mengarahkan siasatan semula diadakan dan apakah tindakan seterusnya untuk mengembalikan keadilan kepada mangsa.

48. PR-1542-L30677

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan Jabatan Peguam Negara susulan keputusan mahkamah melepaskan tanpa membebaskan Datuk Seri Najib Razak daripada pertuduhan pengubahan wang haram melibatkan RM27 juta dana SRC International Sdn. Bhd. serta usaha terkini Kerajaan dalam mengesan dan menangkap Jho Low, ahli keluarga dan rakan subahatnya dalam skandal 1MDB.

49. PR-1542-L30633

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian laporan yang telah dilengkapkan oleh Jawatankuasa Penasihat Dasar kepada Perdana Menteri yang diketuai Yang Berbahagia Tan Sri Hassan Merican sejak ditubuhkan pada 7 Februari 2023.

50. PR-1542-L30312

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bahawa terdapat beberapa bangunan sekolah di Julau yang telah siap dibina tetapi masih belum beroperasi disebabkan kekurangan peruntukan bagi perabot dan kelengkapan. Mengapa perkara ini tidak diperuntukkan lebih awal dan berapa lama lagi kelewatan ini akan berlanjutan.

51. PR-1542-L30637

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik terkini kanak-kanak pencari suaka, pelarian atau kanak-kanak tanpa negara yang telah berjaya menerima pendidikan formal sekolah rendah atau menengah, bukan hanya di Pusat Pembelajaran Alternatif (*Alternative Learning Centres*).

52. PR-1542-L29949

Puan Hajah Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan prestasi terkini kemasukan pelajar sekolah menengah dalam aliran STEM merujuk sasaran 60% dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) serta strategi dan langkah-langkah yang akan diambil agar STEM mampu mencapai objektif selaku teras pembangunan modal insan ke arah negara maju berpendapatan tinggi.

53. PR-1542-L30403

Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah komprehensif dan reformasi struktur Kerajaan MADANI bagi meningkatkan skor Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Malaysia daripada 50 kepada sekurang-kurangnya 68-70 mata menjelang tahun 2033 demi mencapai sasaran berada dalam kelompok 25 negara paling bersih di dunia.

54. PR-1542-L29301

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan secara terperinci lima demarche yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat kepada Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz dalam kapasitinya sebagai Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat serta apakah maklum balas Wisma Putra untuk setiap demarche.

55. PR-1542-L30583

Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang memperluas pelaksanaan program Sekolah Dalam Hospital (SDH) ke Hospital Daerah Baling bagi kemudahan murid yang menerima rawatan jangka panjang, dan apakah bentuk kerjasama antara agensi terlibat yang diperlukan bagi merealisasikan hasrat ini.

56. PR-1542-L30627

Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dilihat berjaya mencapai objektif yang disasarkan dan apakah perancangan jangka masa panjang pihak Kementerian bagi memperkasa sistem pendidikan di Malaysia.

57. PR-1542-L30764

Dato Henry Sum Agong [Lawas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan bagi penyediaan ruang pejabat yang mencukupi termasuk Rumah Kediaman Pegawai dan Kakitangan Kerajaan Pusat dalam tempoh masa singkat/hadapan.

58. PR-1542-L30035

Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [Beaufort] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan nilai kos kerosakan akibat banjir yang berlaku pada tahun 2025 dan telah menjejaskan 32 buah sekolah dibawah pentadbiran pejabat pendidikan daerah (PPD) Beaufort.

59. PR-1542-L30212

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sama ada Kementerian bercadang beri insentif kepada belia dalam projek tenaga boleh diperbaharui, pertanian bandar atau sisa komuniti serta peranan mereka dalam agenda iklim di peringkat akar umbi.

60. PR-1542-L30696

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan berikutan semakin ramai yang menggunakan aplikasi AI seperti ChatGPT, copy.AI dan Jasper AI adakah data yang dimasukkan dalam platform ini dijamin selamat atau ada kemungkinan ia akan terdedah kepada umum dan apakah langkah yang diambil untuk melindungi privasi pengguna.

61. PR-1542-L30705

Dr. Radzi Jidin [Putrajaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) apakah pelan jangka panjang Kerajaan berhubung hala tuju PETRONAS serta apakah langkah penjimatan kos dan peningkatan efisiensi yang sedang atau akan dilaksanakan selain daripada pengurangan tenaga kerja; dan
- (b) apakah unjuran dividen daripada PETRONAS kepada Kerajaan untuk tempoh tiga tahun akan datang.

62. PR-1542-L30096

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah gas yang diperuntukkan kepada Sabah pada setiap tahun. Apakah dasar Petronas dalam kepenggunaan gas di Sabah yang seharusnya mengutamakan penggunaan gas untuk keperluan elektrik, diikuti oleh petrokimia dan ketiga, LNG. Mengapa di Sabah yang sebaliknya pula berlaku.

63. PR-1542-L29812

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah perundangan bagi menangani insiden mempamerkan Jalur Gemilang terbalik dan tidak lengkap dengan lebih serius seperti meminda Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) 1963 atau menggubal akta khusus Jalur Gemilang seperti mana Akta Lagu Kebangsaan.

64. PR-1542-L30331

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :

- (a) cabaran dan kekangan yang dihadapi dalam pembangunan Muar Furniture Park dilancarkan 2017 belum siap dengan menyatakan usaha dan langkah yang diambil bagi menyiapkan projek dalam tahun ini; dan
- (b) garis masa menyiapkan infrastruktur asas seperti balai bomba dan jalan pintas menyambungkan MFP dengan PLUS Highway.

65. PR-1542-L30462

Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai pelan menyeluruh supaya membenarkan pelarian untuk bekerja di Malaysia.

66. PR-1542-L29969

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah projek pembangunan fizikal yang telah diluluskan untuk daerah-daerah dalam Parlimen Selangau sejak tahun 2020 serta sejauh mana projek tersebut dilaksanakan mengikut jadual.

67. PR-1542-L29303

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah Zamri Vinoth dan Firdaus Wong belum lagi dituduh di mahkamah walaupun terdapat ratusan laporan polis telah dibuat terhadap dua individu ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|---|---|-----------------------------------|
| 1. | (D.R.14/2025) | Rang Undang-Undang Kredit Pengguna 2025.

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| 2. | (D.R.13/2025) | Rang Undang-Undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pindaan) 2025.

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan] | “ |
| 3. | (D.R.12/2025) | Rang Undang-Undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2025.

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan] | “ |
| 4. | (D.R.11/2025) | Rang Undang-Undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2025.

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan] | “ |
| 5. | (D.R.15/2025) | Rang Undang-Undang Perlindungan Pemberi Maklumat (Pindaan) 2025.

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | “ |
| 6. | Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan mencadangkan : | | |

“**MENYEDARI** bahawa dalam sistem akauntabiliti negara, Institusi Ketua Audit Negara merupakan agensi penyeliaan yang berperanan untuk mengesahkan semua aktiviti dan kewangan yang telah diluluskan oleh Parlimen dilaksanakan oleh cabang badan eksekutif dengan penuh akauntabiliti. Ketua Audit Negara hendaklah menentukan sama ada pada pendapatnya wang telah digunakan untuk maksud yang diperuntukkan atau dibenarkan dan aktiviti yang berhubungan dengannya, dijalankan atau diuruskan dengan cara yang cekap, dengan memberi perhatian sewajarnya terhadap pengeluaran pembaziran atau keborosan seperti termaktub dalam Akta Audit 1957 [Akta 62].

MENYEDARI Ketua Audit Negara dalam menjalankan mandat dan tanggungjawabnya, memerlukan perhatian yang serius daripada pihak berkaitan supaya isu yang dibangkitkan diberi perhatian sewajarnya manakala syor-syor utama yang terkandung dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dilaksanakan dengan berkesan.

MENYEDARI bahawa LKAN telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada Isnin, 21 Julai 2025 iaitu LKAN 2/2025 (Kertas Perintah 5 Tahun 2025) mengenai Aktiviti Kementerian/ Jabatan/ Badan Berkanun/ Syarikat Kerajaan Persekutuan.

MEMAHAMI bahawa LKAN membangkitkan isu-isu berkaitan penjagaan wang awam atau simpanan awam yang memerlukan tindakan berkesan daripada kementerian, jabatan dan agensi yang diaudit.

MEMPERAKUI bahawa Kerajaan memandang serius isu yang dibangkitkan dalam LKAN, dan YAB Perdana Menteri sendiri sudah mengarahkan agar Menteri terlibat meneliti isu dibangkitkan. Segala isu yang melibatkan ketirisan, ketidakpatuhan kepada peraturan, tidak mematuhi syarat dan kelemahan dalam perancangan perlu diteliti dan diambil tindakan pembetulan. Semua teguran seharusnya menjadi pengajaran supaya tidak berulang.

BAHAWA dalam Ketua Audit Negara melaksanakan mandatnya, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersatu hati dan menyokong Kerajaan agar dapatan Audit dan syor yang terkandung dalam laporan tersebut dapat diambil tindakan dengan serius oleh pihak terlibat untuk mengatasi kelemahan yang ditemui daripada terus berlaku.”

7. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan mencadangkan :**

“BAHAWA DEWAN INI,

membuat ketetapan bahawa Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) 2023 (Kertas Statut 80 Tahun 2025) untuk membahaskan isu-isu dan syor-syor yang terkandung dalam Laporan Tahunan ini;

MEMPERAKUI usaha berterusan Kerajaan yang berpegang kepada prinsip ketelusan dan integriti dalam melindungi, memenuhi serta menghormati hak asasi manusia. Usaha ini telah mengukuhkan kedudukan SUHAKAM sebagai sebuah badan bebas yang dihormati di Malaysia dan diperingkat antarabangsa, termasuk pengiktirafan status A di bawah Prinsip-Prinsip Paris. Kerjasama rapat antara SUHAKAM, agensi Kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) telah memberi impak positif dalam mempromosi serta memperkasakan hak asasi manusia di negara ini;

MENYEDARI bahawa dalam era digital masa kini, akses kepada maklumat melalui internet dan media sosial boleh menimbulkan kekeliruan berkaitan isu hak asasi manusia. Oleh itu, SUHAKAM dan Kerajaan berperanan penting dalam memberi penjelasan yang jelas bagi memastikan rakyat memahami dasar dan langkah Kerajaan dalam meningkatkan kualiti hidup mereka. Kerajaan juga perlu terus menyokong dan bekerjasama dengan SUHAKAM untuk memperluas kesedaran awam dan menangani isu-isu berkaitan sosial, ekonomi, budaya dan politik secara menyeluruh;

MENGAMBIL PERHATIAN terhadap pelbagai cabaran yang dihadapi oleh SUHAKAM dalam melaksanakan tugas dan amanahnya. Justeru, kerjasama dan sokongan daripada semua pihak amat diperlukan bagi memastikan syor-syor utama dalam laporan ini dapat dilaksanakan secara berkesan. Ini juga termasuk keperluan Kerajaan untuk meneliti kemungkinan menyertai atau meratifikasi triti dan konvensyen antarabangsa berkaitan hak asasi manusia sebagai langkah memperkukuh komitmen nasional;

MENYOKONG perbincangan terhadap Laporan Tahunan ini sebagai bukti kesungguhan berterusan Kerajaan dalam menjaga dan memelihara hak asasi manusia untuk semua lapisan masyarakat; dan

BAHAWA dalam usaha SUHAKAM melaksanakan mandatnya untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia, Dewan yang mulia ini menyeru semua pihak agar berganding bahu menyokong Kerajaan dalam memastikan syor, pandangan dan cadangan yang terkandung dalam laporan tersebut dapat disahkan dan diluluskan.”

- | | | | |
|-----|-----------------|---|-------------------------------|
| 8. | (D.R.7/2025) | Rang Undang-Undang Suruhanjaya Tenaga (Pindaan) 2025. | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air] | |
| 9. | (D.R.6/2025) | Rang Undang-Undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2025. | “ |
| | | [Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air] | |
| 10. | (D.R.19/2024) | Rang Undang-Undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan 2024. | “ |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |

11. PR-1542-U(27)407

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mewujudkan syarikat pemula di bawah program sokongan (*incubator*) yang mengutamakan golongan wanita, khususnya ibu tunggal, suri rumah dan graduan. Ini adalah inisiatif penting untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam ekonomi, terutamanya bagi mereka yang berdepan dengan cabaran hidup yang lebih besar.

Menurut Bancian 2020, Malaysia mempunyai sekitar 1 juta ibu tunggal yang menyumbang sebanyak 8.3% daripada jumlah isi rumah negara. Selain itu, laporan terkini dari Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) juga mendedahkan bahawa terdapat lebih daripada 43% dari 7.15 juta luar tenaga buruh dicatatkan bagi tempoh sehingga Januari 2025 merangkumi mereka yang berkait dengan kerja rumah/tanggungjawab keluarga atau suri rumah.

Golongan ini sering kali bergelut dengan ketidaktentuan kewangan di mana ketiadaan pendapatan tetap menyebabkan mereka berisiko lebih tinggi dalam menghadapi tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat. Oleh itu, memberikan mereka peluang untuk terlibat dalam perniagaan adalah langkah yang tepat untuk memperbaiki ekonomi keluarga dan mengurangkan jurang ketidaksamaan.

Selain itu, penting bagi golongan ini didedahkan dengan kepenggunaan digital dan perniagaan atas talian, terutamanya dengan perkembangan pesat ekonomi digital. Memberikan panduan yang rasional dan program latihan dalam bidang teknologi dan pemasaran digital akan membantu mereka membina perniagaan yang lebih mampan dan berdaya saing.

Adalah menjadi harapan agar peluang ini bukan sahaja akan meningkatkan pendapatan isi rumah tetapi juga memperkukuh ekonomi negara secara keseluruhannya."

[Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi]

12. PR-1542-U(27)410

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk menggubal dasar pencegahan HIV yang lebih menyeluruh dan berfokus khususnya bagi menangani peningkatan kes jangkitan HIV dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi dan belia.

Data daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menunjukkan bahawa antara tahun 1986 hingga 2023, sebanyak 135,035 kes HIV telah direkodkan, dengan 54,365 daripadanya berpunca daripada penularan seksual. Individu berumur 20 hingga 29 tahun menyumbang 44% daripada kes baharu menjadikannya kumpulan tertinggi yang terkesan, diikuti oleh kumpulan umur 30 hingga 39 tahun (31%) dan remaja sekolah berumur 13 hingga 19 tahun (4%). Lebih membimbangkan, 62% daripada jangkitan baharu berlaku dalam kalangan individu homoseksual dan biseksual, manakala 33% melibatkan hubungan heteroseksual.

Situasi ini menuntut pendekatan yang lebih bersepadu dan berasaskan komuniti termasuk peningkatan pendidikan kesihatan seksual, akses mudah dan sulit kepada ujian HIV serta sokongan psikososial yang menyeluruh di institusi pendidikan.

Kerajaan juga digesa untuk merangka satu Pelan Tindakan Nasional HIV bagi belia dengan kerjasama pelbagai Kementerian, NGO dan pihak universiti serta memperkenalkan intervensi bersasar di kampus bagi mengekang penularan jangkitan dan mengurangkan stigma terhadap isu ini. "

[Menteri Kesihatan]

13. PR-1542-U(27)411

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk dasar dan polisi yang jelas untuk mewujudkan badan pengurusan rantai bekalan negara yang cekap dan profesional. Pengurusan ini mestilah merangkumi pengurusan inventori, pengangkutan, pergudangan dan pelaksanaan penghantaran serta pengurusan maklumat dan aliran kewangan yang berkaitan.

Kajian dari Universiti Malaya menunjukkan tekanan Malaysia Supply Chain Index (MSCI) terus menunjukkan angka peningkatan seiring dengan tanda aras dunia iaitu Global Supply Chain Pressure Index (GSCPI) oleh Federal Reserve Bank of New York. Perlu diketahui, pengurusan rantai bekalan yang stabil akan mewujudkan kawalan pasaran global dan domestik yang terkawal walaupun diberi kejutan ekonomi. Maka, menjadi satu keperluan untuk negara mengutamakan badan yang mempunyai akreditasi bertaraf antarabangsa yang aktif dalam menguruskan risiko ini.

Adalah menjadi harapan dengan adanya badan khas bertaraf dunia ini akan memantau kecekapan pengurusan rantai bekalan agar Malaysia kekal berkembang dari sudut eksport dan import negara serta seterusnya meningkatkan kembali dagangan dan mengawal imbang inflasi domestik bagi keperluan pengguna khususnya rakyat Malaysia. "

[Menteri Pengangkutan]

14. PR-1542-U(27)412

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk menyemak semula dasar pengambilan dan pembangunan bakat dalam sektor awam dan institusi strategik negara bagi memastikan graduan dalam bidang hubungan antarabangsa diberi keutamaan yang sewajarnya dalam kerjaya berkaitan diplomasi, keselamatan serantau dan dasar luar negara.

Malaysia kini berdepan dengan landskap geopolitik yang kian mencabar melibatkan ketegangan kuasa besar, pertikaian maritim dan pelbagai bentuk ancaman bukan tradisional. Dalam keadaan ini, keperluan terhadap tenaga kerja mahir dalam bidang hubungan antarabangsa adalah amat kritikal.

Namun, trend semasa menunjukkan ramai graduan cemerlang dalam bidang ini tidak memperoleh peluang kerjaya selaras dengan kepakaran mereka. Malah, ramai yang menyertai sektor yang tidak berkaitan atau berhijrah ke luar negara, sedangkan banyak jawatan strategik dalam perkhidmatan awam diisi oleh individu dari latar belakang bukan berkaitan seperti kejuruteraan, matematik atau seni bina.

Situasi ini menandakan kegagalan struktur dalam mengiktiraf bidang hubungan antarabangsa sebagai komponen penting dalam kekuatan dasar luar dan keselamatan negara. Kerajaan perlu mempertimbangkan mekanisme pengambilan berasaskan kepakaran, pengkhususan laluan kerjaya dan insentif khas untuk memastikan bakat dalam bidang ini dibangunkan dan dikekalkan di dalam negara.

Langkah ini penting untuk membina barisan pemimpin dan pegawai yang mampu menghadapi cabaran diplomatik masa depan serta mengangkat martabat Malaysia di pentas antarabangsa."

[Menteri Luar Negeri]

15. PR-1542-U(27)413

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk memperkukuh usaha pemeliharaan dan keselamatan hidupan liar negara susulan peningkatan kes kemalangan dan kehilangan nyawa melibatkan spesies terancam seperti gajah dan harimau terutamanya di kawasan berisiko tinggi yang bersilang dengan pembangunan jalan raya dan kawasan penempatan.

Insiden kematian seekor anak gajah akibat dilanggar lori di Lebuhraya Timur-Barat pada Mei 2025 serta kelakuan ibu gajah yang setia menunggu bangkai anaknya telah mencetuskan kesedaran nasional tentang penderitaan satwa liar akibat ketidakseimbangan pembangunan. Sehingga kini, lebih 2,000 kes kematian hidupan liar direkodkan akibat pelanggaran kenderaan sejak 2020 termasuk spesies ikonik seperti harimau Malaya.

Kerajaan digesa untuk mempercepat pembinaan laluan lintasan hidupan liar (*wildlife crossings*) di kawasan kritikal, meningkatkan rondaan dan penguatkuasaan trafik di zon habitat aktif dan memperuntukkan belanjawan khas bagi pemulihan koridor ekologi yang terputus. Selain itu, pelaksanaan sistem amaran awal, penandaan kawasan berisiko tinggi serta program pendidikan awam perlu dipertingkatkan untuk melibatkan masyarakat dalam usaha bersama ini.

Langkah ini penting untuk memastikan kelangsungan biodiversiti negara, keselamatan pengguna jalan raya dan komitmen Malaysia dalam melindungi warisan ekologi yang tidak ternilai."

[Menteri Kerja Raya]

16. PR-1542-U(27)414

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk memperkasakan polisi sedia ada dan tanda aras yang jelas untuk menilai kecekapan tenaga pengajar dan penyediaan akses pendidikan seperti contoh bilik multisensori bagi murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK).

Baru-baru ini seramai 4,886 murid MBPK dari 841 sekolah di seluruh negara telah menamatkan persekolahan bagi sesi akademik 2024/2025 dengan jayanya. Statistik MBPK juga menunjukkan tanda peningkatan 31% dari 88,419 sejak 2019 kepada 116,044 (2023).

Namun, timbulnya kegusaran akan keberkesanan Zero Reject Policy (ZRP) dan bagaimanakah MBPK menyesuaikan diri bermula dari peringkat rendah hingga ke peringkat menengah seterusnya persediaan kebolehpasaran mereka apabila tamat persekolahan nanti.

Adalah diharap agar penyesuaian mereka di dalam sektor pendidikan bersifat terangkum dan bukanlah satu beban untuk tenaga pengajar kerana mereka ini bakal mencorak potensi tersendiri dan menyumbang nilai ekonomi untuk negara kita juga nanti."

[Menteri Pendidikan]

17. PR-1542-U(27)406

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk menjalankan penelitian kajian yang lebih holistik dan mendalam bagi mewujudkan badan pemantau pelan perancangan jangka panjang keterjaminan makanan bagi negara.

Kebelakangan ini, kita telah didengarkan dengan skop peluasan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) bagi meningkatkan lagi pendapatan bagi negara. Antara barangan yang terlibat dalam peluasan skop cukai SST pada Julai ini adalah termasuk juga dengan makanan yang diimport.

Dalam keadaan negara kita yang masih mempunyai kadar kebergantungan yang tinggi terhadap import makanan bagi memenuhi permintaan domestik, maka peluasan skop SST ini amat merisaukan rakyat.

Oleh yang demikian, Kerajaan perlu mengambil pendekatan strategi yang lebih holistik dan efisien bagi membantu dalam memastikan agar negara kita mampu untuk mengurangkan kadar kebergantungan terhadap import makanan. Negara kita yang sentiasa kaya dengan pelbagai sumber alam perlu dimanfaatkan sebaiknya dan dikembangkan bagi memenuhi permintaan domestik."

[Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan]

18. PR-1542-U(27)408

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk melaksanakan pendekatan yang lebih strategik dan serius dalam menambah baik infrastruktur jalan raya yang dikategorikan sebagai berisiko tinggi kemalangan.

Sejak kebelakangan ini, kita telah dikejutkan dengan peristiwa hitam yang membabitkan pelajar-pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kemalangan hitam ini telah membuka mata pelbagai pihak terutama dari segi kebimbangan terhadap keselamatan jalan raya itu sendiri. Pelbagai persoalan yang timbul terutama segi penyediaan lampu limpah jalan raya yang mencukupi, keadaan permukaan jalan raya, dan penghadang jalan raya yang diibaratkan seperti 'pisau pencukur' di jalan raya.

Dalam keadaan negara kita dikejutkan dengan peristiwa yang pahit ini, penambahbaikan jalan raya yang dikategorikan sebagai berisiko tinggi kemalangan jalan raya harus diambil tindakan dengan segera. Hal ini bagi memastikan jalan raya yang menjadi laluan utama masyarakat berada dalam keadaan selamat dan mengurangkan pelbagai risiko yang tidak diingini daripada berlaku.

Oleh yang demikian, Kerajaan perlu mengambil pendekatan strategi yang lebih serius dan efisien dalam mengatasi isu jalan raya yang berisiko tinggi berlaku kemalangan ini agar negara kita mampu menyediakan kemudahan kelengkapan jalan raya yang selaras dengan membangunkannya pembangunan dalam negara kita."

[Menteri Kerja Raya]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD. 5	Laporan Ketua Audit Negara 2/2025 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan Persekutuan	21 Julai 2025
ST. 80	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) Bagi Tahun 2023	21 Julai 2025

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
YB Tuan Haji Mohd Hasnizan Bin Harun (Hulu Selangor)	1. Pemasangan lampu isyarat di Jalan Persekutuan FT01 Kuala Lumpur - Tanjung Malim di persimpangan masuk ke Jalan B57 (Jalan Hulu Yam Lama - Hulu Yam Baru) 2. Keperluan Mendesak Menaiktaraf Jambatan Sungai Kelachi dan Jambatan Sungai Serendah bagi Tujuan Pelebaran Jalan	1. YB Menteri Kerja Raya 2. YB Menteri Kerja Raya
YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau (Tuaran)	1. Pembangunan yang berlaku selepas Labuan dijadikan Wilayah Persekutuan pada tahun 1984 sehingga kini 2. Langkah-langkah yang diambil bagi menangani kemiskinan di lapan buah daerah di Sabah	1. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri 2. YB Menteri Ekonomi

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**